

25/03/1997

Kisah hidup Dr M didedah

LANGKAWI, Isnin - Kisah hidup dan `rahsia' zaman remaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal terungkai dalam satu forum bertajuk `Majlis Pengisahan Dr Mahathir Semasa Remaja' anjuran Galeria Perdana di sini pada 5 April ini.

Pengurus Galeria Perdana, Mahani Muhamad, berkata beberapa rakan karib Dr Mahathir pada zaman remaja yang antaranya tokoh korporat terkemuka masa ini akan diundang untuk menceritakan kisah hidup beliau.

Majlis berbentuk forum itu terbuka kepada orang ramai bagi membolehkan mereka terutama generasi muda menghayati perjalanan hidup Dr Mahathir sehingga berjaya menerajui kerajaan.

Ia akan diadakan di auditorium Lembaga Kemajuan Langkawi di sini, bermula pada jam 9 pagi.

Galeria Perdana, muzium yang mempamerkan pelbagai cenderamata yang diterima oleh Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dibuka pada 3 Dis 1995. - Bernama

(END)